

**DEWAN MAJLIS**

Hari Khamis, 16hb. Syaaban 1444H/9hb. Mac 2023M

**YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN  
(PERDANA MENTERI DAN  
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.  
**(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, PSNB., SPMB., PSB., PIKB., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, PSNB., SPMB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, PSNB., DPMB., PIKB., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, PSNB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.  
**(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

#### **AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampong Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampong Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, Ketua Kampong Lumapas 'B' - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampong Belimbing - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampong Bukit Sawat - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampong Sengkarai - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, PSB., PIKB., PKLP., Ketua Kampong Labu Estate dan Piasau-Piasau - Daerah Temburong.

**HADIR BERSAMA:**

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)**

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari yang keenam, hari Khamis, 16hb. Syaaban 1444H bersamaan 9hb. Mac 2023M didahului dengan Doa Selamat.

**DOA SELAMAT**

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kita bersyukur ke hadrat اللّٰهُ سُبْحٰنَهُ وَتَعَالٰى رَحْمَتُهُ dan izin-Nya jua kita dapat sama-sama hadir pada pagi ini bersidang bagi hari keenam dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan

Belas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bagaimana yang sedia dimaklumi masih lagi membahaskan Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Bagi membolehkan kita meneruskan pekerjaan kita menyelesaikan, membincangkan dan seterusnya meluluskan atau sebaliknya Rang Undang-Undang ini menurut tajuk-tajuk yang dikemukakan, maka saya tangguhkan dulu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang semula dalam Peringkat Jawatankuasa.

**(Majlis Mesyuarat di tangguhkan)****(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)****Yang Berhormat Pengerusi:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Majlis bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024 satu per satu, yangmana Rang ini telah pun dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Pada petang semalam, Mesyuarat Jawatankuasa telah selesai meluluskan belanjawan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Walau bagaimanapun, sebelum kita meneruskan perbincangan kita, saya difahamkan bahawa ada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk membuat kenyataan, saya kira bagi menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan semalam.

Saya mempersilakan dulu Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Merujuk kepada 5 soalan terakhir yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin kelmarin petang.

Kaola mengucapkan terima kasih atas keizinan Yang Berhormat Pengerusi untuk kaola menjawab soalan-soalan tersebut:

1. Soalan yang Keempat dari Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin kemarin adalah mengenai dengan inisiatif untuk membukakan fasiliti untuk melaksanakan *mass production* di daerah-daerah lain

daripada Daerah Brunei dan Muara. Sukacita Kaola mengkongsikan pada masa ini memang terdapat sudah empat tapak perindustrian di Daerah Belait, dengan aktiviti-aktiviti lain termasuk *Brunei Methanol Company*, *BFI*, *BLNG* dan belum lagi mengira *BSP* of Operasi *BSP* di Daerah Belait. Nampaknya dengan adanya pelaburan dalam *BFI* dan *Methanol* ان شاء الله masa depan akan banyak lagi aktiviti-aktiviti perindustrian akan ditubuhkan di Daerah Belait.

Bagi Daerah Tutong kita sudah melihat ada beberapa aktiviti akuakultur di Daerah Tutong, nampaknya perusahaan tersebut akan terus berkembang, meningkat lagi *production* dan sebagainya. ان شاء الله aktiviti perekonomian di Daerah Tutong akan juga terus berkembang.

Di Daerah Temburong pada masa ini ada satu estet perindustrian, tapi pada masa yang sama kitani sedang memajukan *Labu Square* dan juga di Bandar Bangar, ان شاء الله sama juga pada masa depan kita akan mencuba lagi meningkatkan aktiviti-aktiviti perekonomian di Daerah Temburong.

Di samping itu, ada satu projek mengenai pelancongan pada masa ini sedang di majukan di Daerah Temburong. ان شاء الله aktiviti-aktiviti ekonomi di daerah-daerah lain tidak akan di tinggalkan, ان شاء الله akan terus dimajukan.

2. Soalan yang Kelima dari Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, mengenai *food basket* mencadangkan supaya harga-harga barangan asasi akan dapat dikongsikan supaya orang ramai dapat mengetahui lebih tulus dengan harga di pasaran. Memang perkara ini sudah dilaksanakan sebelum ini.

Memang ada beberapa jenis barangan ini di bawah kawalan Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik di bawah *trans-control*. Semasa *COVID-19* aktiviti untuk mengawal harga barangan di pasaran itu dilaratkan kebeberapa jenis barangan di pasaran dan juga premis-premis perniagaan itu pun ditambah lagi dari segi pemantauan harga barangan dijual di beberapa premis, kalau tidak salah 300 buah premis pada masa ini.

Dari maklumat-maklumat mengenai harga barangan di pasaran ini dikumpulkan dan dimasukkan dalam *website*, sosial media, *instagram* dan juga aplikasi pengguna bijak. Dari sana kita dapat membuat perbandingan dalam melihat harga yang dijual di beberapa premis, dapat dibuat *comparison* dan sebagainya. Itulah langkah-langkah yang telah diambil untuk orang ramai akan lebih tahu dari

harga barangan yang dijual di pasaran terutama sekali barang makanan asasi. Terima kasih.

3. Soalan Keenam, mengenai *budget conservative* dan juga isu defisit. Ini satu soalan yang bagus Yang Berhormat Pengerusi. Bagi Kaola *budget conservative* maksudnya perbelanjaan kita ikut tahap pendapatan hasil pendapatan kerajaan, itu kalau *conservative* itulah caranya untuk berbelanja mengikut hasil pendapatan kita. Tapi bagi beberapa tahun kebelakangan kita lebih dari perbelanjaan dari hasil pendapatan, kecuali ada setahun dua tahun kebelakangan kita *اللَّهُمَّ* tercapai *balance budget*. Kenapa kita lebih belanja dari hasil pendapatan kita, kita tidak akan tinggalkan untuk terus menjaga kesejahteraan orang awam terus diberikan bantuan dan sebagainya

Pada masa yang sama, kita juga membuat persediaan untuk masa depan. Kita terus memikirkan cara melabur menarik *FDI*, memajukan ekonomi kitani, mengembangkan lagi *SMSE* kitani dan sebagainya. Itu memerlukan perbelanjaan termasuk membangun modal insan yang dinamik, proaktif dan terus inovatif. Sepertimana yang di dalam fokus dalam belanjawan tahun ini atau tahun yang akan datang.

Inilah masanya untuk mengatasi isu defisit ini, ini lah masa nya untuk kitani

terus melabur supaya kitani menjana peluang-peluang untuk generasi yang akan datang. Bukannya kita tidak akan kira *preserve our cash* untuk masa depan kita, yang penting kita menjanakan *opportunity* bagi generasi yang akan datang.

*Opportunity* seperti kilang-kilang akan membangun, *FDI* yang akan datang, menjana pekerjaan, menjanakan *opportunity* bagi teknologi *transfer* dari luar negara kepada negeri kita. Menjana peluang untuk *FDI* akan memberikan *spin off MSME* kitani. Itulah yang penting, bagi kitani fokus dalam tahun-tahun yang akan datang. ان شاء الله sudah ekonomi kitani cukup dinamis nya kitani bolehlah memikirkan *manage fiscal* kita, tapi inilah masanya kita melabur kepada masa depan kita.

Soalan yang ketujuh mengenai *Ease of Doing Business*. *Ease of Doing Business* ini memang telah diputuskan pada tahun 2021. Tidak lagi durang *World Bank* ini diteruskan. *Ease of Doing Business* ان شاء الله akan diganti oleh satu skim baharu lagi yang masa ini sedang menunggu *World Bank* yang akan dikongsikan maklumat-maklumat mengenai dengan skim baharu.

Walau bagaimanapun, pada masa ini kita masih mengambil *guidance* dari *Ease of Doing Business* yang sudah ada masih terus *monitor* pencapaian kita dari segi *improvement* mengikut *guideline* yang ada sebelum ini di bawah *Ease of Doing Business*. Kalau dilihat dalam dua tahun ini memang nampak ada kemajuan. Kita

*continue to improve Ease of Doing Business*, seperti mendapatkan elektrik, permit, *construction permit* dan sebagainya. Itu nampak ada *improvement*. ان شاء الله perkara ini memang diambil berat untuk kita teruskan usaha kita untuk mencapai perkembangan ekonomi kita terutama sekali *MSME* kita.

Mengenai soalan yang terakhir iaitu mengenai Tanah Ihsan Untuk Membantu Warga Kurang Pendapatan supaya orang golongan rakyat yang kira terdapat boleh kira ikut *contribute*. Ini memang beberapa *NGO's* yang sedang menjalankan aktiviti-aktiviti *charity* ataupun *welfare* dan sebagainya memang dibukakan peluang untuk orang ramai kalau sekiranya inginkan *donate* sama ada barangan ataupun dana itu tidak dilarang. Kita juga melihat ada sebahagian syarikat, beberapa tahun memang dijadualkan bagi menderma kepada *this NGO's*. Itu tidak dilarang jadi memang diteruskan.

Bagi soalan-soalan yang belum kaola terjawab ان شاء الله kaola akan menjawab secara bertulis sahaja selepas ini. Itu sahaja kaola menjawab soalan-soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin petang kelmarin. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Menteri di Jabatan Perdana

Menteri dan Menteri Pertahanan II. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi atas kesempatan ataupun ruang untuk melengkapkan jawapan kepada soalan yang panjang daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman semalam.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ mengenai soalan proses pengambilan pekerja baharu. Sebagai jawapan kaola:

1. Proses pengisian jawatan kosong sebelum dimesyuaratkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk dipertimbangan sokongan, bermula dari proses Iklan, Perakuan Ujian, Temuduga dan Penyediaan Kertas Mesyuarat. Pada masa ini inisiatif untuk mempercepatkan proses sentiasa diusahakan walaupun terdapatnya pelbagai hambatan, antaranya seperti:
  - i. Kesan Pandemik *COVID-19* terhadap proses ujian dan temuduga.;
  - ii. Rayuan-rayuan calon seperti untuk mengubah tarikh menduduki ujian, temuduga atau untuk perakuan.;
  - iii. Kesediaan pihak-pihak wakil jabatan untuk menjalankan tugas sebagai wakil Lembaga Temuduga yang mana akan menangguhkan proses temuduga.;

- iv. Kelambatan jabatan-jabatan dalam penyediaan skim soalan.;
- dan
- v. Kelengkapan dokumen-dokumen yang dihadapkan oleh Jabatan-Jabatan.

Manakala, antara usaha-usaha yang dilaksanakan sepanjang tahun 2022 adalah seperti berikut:

1. Dengan adanya sistem *PSCR2.0* memudahkan permohonan untuk memohon sebarang jawatan kosong dengan memasukkan keterangan-keterangan dengan memuat naik salinan dokumen-dokumen yang diperlukan secara *online*.;
2. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dapat memperolehi maklumat calon melalui *PSCR2.0* jika pemohon memasukkan maklumatnya dengan lengkap. Ini membantu dalam proses perakuan calon-calon yang memohon jawatan yang diiklankan.;
3. Sepanjang tahun 2022 proses perakuan telah mampu dipercepatkan yang mana sebanyak 55% jawatan yang diproses telah mencapai sasaran TPOR Unit Perakuan di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Ini adalah kenaikan dianggap signifikan berbanding hanya 31% jawatan mencapai TPOR pada tahun 2021.;
4. Projek melangiskan kekosongan jawatan yang masih untuk diujikan



dan ditemuduga. Projek ini telah berjaya menyelesaikan jawatan-jawatan yang tertunggak mengikut sasaran projek. Untuk memastikan jumlah rayuan calon tidak menjejaskan proses, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah menetapkan dasar baharu bagi memastikan rayuan calon dapat diproses dengan lebih efisien, adil dan saksama.;

5. Garis Panduan tersebut termasuk mengubah tempoh penerimaan rayuan, penyediaan deklarasi pemohon dalam *PSCR2.0* dan garis panduan bagi mempertimbangkan rayuan calon jika maklumat calon tidak teratur atau tidak lengkap sebelum tarikh tutup iklan.;
6. Pada masa ini Jabatan-Jabatan diminta menyediakan 2 pegawai selaku wakil Lembaga Temuduga yang mana tujuannya adalah supaya penama kedua berperanan sebagai pengganti jika wakil pertama berhalangan untuk hadir pada tarikh yang ditetapkan.

Salah satu inisiatif untuk mempercepatkan proses pengisian jawatan kosong adalah dengan menggunakan kaedah *Talent Pool Recruitment*, yang kini sedang dirancang dan akan dilaksanakan pada tahun ini.

Kaedah *Talent Pool Recruitment* ini akan digunakan untuk memproses jawatan-jawatan dalam Bahagian IV dan V yang dikenal pasti disatukan pengiklannya

secara berkluster berdasarkan tugas dan tanggungjawabnya yang kurang lebih sama.

Dengan kaedah ini pengumpulan jumlah kekosongan jawatan akan dikumpulkan dan pengiklanan perakuan dan ujian tersebut secara sekali berbanding memproses setiap kekosongan jawatan secara berasingan. Calon-calon yang layak akan disokong untuk dimasukkan dalam *Talent Pool List* dan seterusnya mengisikan kekosongan jawatan yang ada dalam satu tempoh tertentu. Kluster-Kluster yang dimaksudkan adalah seperti Kluster Jawatan Pembersihan, Kluster Keselamatan dan Kluster Meja Bantu. Itulah jawapan tambahan kepada jawapan kaola kelmarin.

Namun demikian kaola juga akan menjawab menambah jawapan kepada soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam iaitu mengenai persoalan jawatan dan kelulusan penyelarasan gaji penjawat awam yang baharu dalam jawatan yang sama berdasarkan kelulusan akademik. Soalan itu sudah dijawab oleh rakan sejawat Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Kaola akan menjawab secara ringkas mengenai dengan lantikan calon simpanan. Bagi pemilihan calon simpanan perkara ini memang diteliti oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam sebelum melantik calon. Dalam hal ini, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam akan

membuat penilaian ke atas calon-calon yang telah *dirank* mengikut bidang dan kesesuaian tugas dan tanggungjawab jawatan berkenaan sebelum melantik calon simpanan. Itulah jawapan Pehin.

Ketiga akan kaola jawab jua ialah mengenai soalan yang telah diajukan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf iaitu mengenai dengan muflis atau kemuflian yang sering Yang Berhormat dapati melalui media-media cetak awam.

Bagi menjawab Yang Berhormat Pehin, memang terdapat statistik bagi permohonan *bankruptcy* yang dibawa ke mahkamah. Dua statistik yang berkaitan dengan persoalan Yang Berhormat adalah *Receiving Order* dan *Adaptation Order*. Secara ringkasnya bagi tahun 2012 terdapat 243 *Receiving Order* dan bagi tahun 2022 terdapat 235 *Receiving Order*.

Manakala bagi statistik menunjukkan bagi tahun 2012, 51 *Adaptation Order* dan 2022 adalah 114 *Adaptation Order*. Antara statistik berkenaan kategori ditahap *sole proprietors* bagi tahun 2012 adalah 1 kes manakala bagi tahun 2022 adalah 3 kes.

Adalah juga penting untuk memahami bahawa *Receiving Order* bermaksud Timbalan Penerima Rasmi bertindak sebagai pengurus aset penghutang yang dijatuhkan separuh muflis (*half bankrupt*) manakala *adaptation order* bermaksud

Timbalan Penerima Rasmi bertindak sebagai Pemegang Amanah bagi aset penghutang yang dijatuhkan muflis sepenuhnya (*full bankrupt*).

Penganalisan punca-punca utama berasaskan statistik didapati bahawa antara punca utama (*root cross*) muflis bagi individu-individu yang gagal membayar komitmen pinjaman bank sama ada pinjaman persendirian, harta dan kenderaan. Adalah juga didapati bahawa ada sebilangan kecil individu yang memohon muflis untuk mengelakkan diri apabila disaman daripada dikenakan sebarang pampasan.

Walaupun bagaimanapun, kaola mengambil baik terhadap cadangan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II bagi membuat penganalisan dan penilaian terhadap permohonan individu yang muflis dan boleh dipertimbangkan bersama agensi-agensi yang berkaitan untuk memperbaiki kaedah-kaedah yang ada pada masa ini agar menjadi pengajaran kepada individu-individu dan MSME yang lain supaya tidak berlaku pada masa akan datang.

Sekian. Yang Berhormat Pengerusi yang dapat kaola lengkapkan kepada soalan-soalan yang telah diajukan semalam dan mudah-mudahan ia akan dapat memberikan sedikit penjelasan dan pencerahan dan menjawab soalan-soalan demikian. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri-Menteri

yang berkenaan atas jawapan-jawapan, penerangan-penerangan yang telah pun dikemukakan. Ahli-Ahli Yang Berhormat Mesyuarat Jawatankuasa akan beralih ke tajuk kementerian selanjutnya.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:** Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di bawah Tajuk SE01A hingga SE12A.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa beralih sekarang kepada Tajuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Sebelum tajuk-tajuk di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ini dibukakan untuk dibahaskan, saya ingin memberi laluan dahulu kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk membentangkan mukadimahnya tentang penyediaan belanjawan bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ

dan salam عليكم ورحمة الله وبركاته sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ingin berterima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberikan peluang kepada kaola untuk menyampaikan mukadimah di Dewan yang mulia pada pagi ini. أَلْحَمْدُ لِلَّهِ

kaola mewakili warga Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatannya dengan penuh hormat dan

takzim menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia titah baginda semasa Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara pada 2hb. Mac 2023M yang lalu.

Dalam kesempatan ini juga kaola juga tidak lupa mengucapkan tahniah yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Pengerusi atas pelantikan semula sebagai Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara dan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat sama ada yang dilantik kerana jawatan dalam kalangan Orang-Orang Yang Bergelar yang telah mencapai kecemerlangan dan ahli-ahli yang dilantik mewakili daerah-daerah.

Yang Berhormat Pengerusi. Sebelum Jawatankuasa ini membincangkan Rang Undang-Undang Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatannya, izinkan kaola lebih dahulu mengongsikan tumpuan dan keutamaan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam Tahun Kewangan 2023/2024 yang mendukung kepada tema belanjawan iaitu: "Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur" yang mencakupi memelihara kesejahteraan awam, mendukung pemulihan negara yang inklusif dan berdaya tahan dan pembangunan modal insan yang dinamik, proaktif dan inovatif.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah menyejajarkan sasaran dan menumpukan kepada 3 aspirasi iaitu:

1. Keselamatan dan kesejahteraan yang menfokuskan untuk memperkukuhkan keselamatan dan kesejahteraan dengan memantapkan lagi keupayaan pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang melalui pengukuhan dasar, penambahbaikan infrastruktur dan memperluaskan penggunaan teknologi di samping memastikan aset-aset adalah dalam siap siaga dan penglibatan yang aktif pemimpin dari akar umbi komuniti.;
2. Transformasi pembangunan bandar dan daerah dan memperkasakan pembangunan komuniti dengan memberikan penekanan kepada pembangunan bandar dan daerah yang mampan dan berdaya tahan melalui penglibatan aktif daripada pemimpin-pemimpin akar umbi dengan kerjasama komuniti masyarakat dalam memastikan ketersediaan prasarana-prasarana, memperluaskan penggunaan teknologi, menitikberatkan kebersihan alam sekitar, menjamin ekosistem pembangunan masyarakat yang kondusif bagi membantu memperkasakan masyarakat yang tampil ke hadapan dalam mengambil peranan menerajui pelbagai inisiatif pembangunan diri.;

3. Tadbir urus yang baik dan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti. Menjurus kepada pemberian perkhidmatan yang telus, berakauntabiliti dan berhemah dengan melaksanakan reformasi dasar, penggunaan teknologi, peningkatan kapasiti dan kompetensi dengan menerapkan *whole of government approach* dan *whole of nation approach*.

Dalam pada itu, beberapa inisiatif juga telah dan sedang dilaksanakan dalam hasrat untuk mengukuhkan lagi aspek keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini. Antaranya melancarkan secara berperingkat-peringkat aplikasi dalam *Immigration and National Registration System (INRS)* seperti *border management system* dan sistem pendaftaran Kad Pengenalan. Aplikasi lain yang akan dilancarkan dalam masa terdekat adalah seperti *visa and passes*, kelahiran dan kematian warganegara dan lain-lain.

Sebagai usaha untuk mengawal, memperkukuhkan dan memantau kemasukan warga asing termasuk pelancong melalui pos-pos kawalan, *border management system* telah mula digunakan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada 14hb. Mac 2022M dan telah dilaratkan ke semua pos-pos kawalan yang lain bagi menggantikan sistem pos-pos kawalan yang lama.

Pada 9hb. Februari 2023M, aplikasi e-arrival card mula diperkenalkan bagi

menggantikan *embarkation* dan *ease embarkation card* yang telah lama digunakan. Dengan terlaksananya *border management system* dan *e-arrival card* ini bukan sahaja akan dapat memudahkan proses bagi kemasukan atau keluar dari Negara Brunei Darussalam khususnya kepada warganegara asing malah ia akan dapat membantu Jabatan Immigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dalam pengumpulan maklumat dan data serta membolehkan perkongsian maklumat-maklumat terkini kepada agensi-agensi kepentingan bagi kegunaan penganalisan perancangan, pengubalan dasar dan sebagainya.

Selain itu, sistem pendaftaran Kad Pengenalan dan pengeluaran Kad Pengenalan Pintar yang baharu juga telah dilancarkan pada pertengahan tahun 2022.

Kad Pengenalan ini mempunyai reka bentuk dan ciri-ciri keselamatan yang tinggi dengan menerapkan encryption and technology yang terkini. ان شاء الله projek ini akan dapat merealisasikan projek *digital ID* di bawah Pelan Induk Ekonomi Digital iaitu dengan Kerjasama Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Seterusnya *National Labour Management System (NLMS)* di bawah Jabatan Buruh, ان شاء الله akan mula diguna pakai sepenuhnya pada 1hb. April 2023M nanti yang akan mengubah tatacara pemberian perkhidmatan dengan lebih telus, efisien seperti permohonan Lesen Pekerja Asing dan Lesen Perkhidmatan

Domestik kepada orang ramai yang perkhidmatan ini dapat diakses secara dalam talian.

Pada 21hb. Januari 2023M, Jabatan Buruh telah menguatkuasakan kadar had yuran perkhidmatan bagi pengambilan pekerja domestik iaitu pembantu rumah, tukang kebun dan pemandu peribadi pada kadar tidak melebihi \$2,000.00 bagi seorang pekerja asing. Inisiatif ini dilaksanakan bagi memastikan yuran perkhidmatannya yang dikenakan oleh agensi-agensi pekerjaan bagi pengambilan pekerja domestik adalah terkawal.

Dalam pada itu, Jabatan Buruh juga berperanan dalam menyelesaikan sebarang pertikaian yang timbul antara majikan dan pekerja yang mana bagi tempoh 3 tahun kebelakangan iaitu dari tahun 2020 hingga 2022 sebanyak 31 aduan telah diterima, dan dari jumlah tersebut 94% telah berjaya diselesaikan.

Dalam usaha untuk mendukung hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Buruh dengan Kerjasama *Manpower Planning and Employment Council (MPEC)* telah dan sedang merancang dan melaksanakan strategi-strategi untuk menjamin pekerjaan termasuk menjaga kebajikan dan kepentingan para pencari kerja dalam kalangan anak-anak tempatan.

Di samping itu, sebelum pengisian jawatan-jawatan kosong di sektor swasta pengesahan dari *JobCenter Brunei* adalah diperlukan bahawa jawatan-jawatan berkenaan tidak dapat di isikan oleh anak-anak tempatan sebelum lesen pekerja asing diluluskan oleh Jabatan Buruh. Usaha bersepadu ini adalah untuk memastikan anak-anak tempatan diberikan keutamaan dalam mengisi beberapa jawatan di sektor swasta dalam hasrat untuk mengurangkan kadar pengangguran negara ini.

Menyedari akan pentingnya untuk mengurangkan jumlah *recidivism* atau kemasukan semula dalam kalangan banduan Jabatan Penjara secara berterusan telah menyediakan dan melaksanakan beberapa program termasuk latihan kemahiran vokasional seperti pertukangan kayu, pertanian, memasak dan landskap sebagai usaha untuk memberikan para banduan kemahiran dalam membantu mereka mempersiapkan diri apabila bebas nanti.

Dalam kesempatan ini juga, kaola ingin menekankan bahawa sokongan daripada ahli keluarga dan masyarakat sangat penting dalam membantu golongan ini untuk mengukuhkan jati diri, memberikan pekerjaan atau menyokong perniagaan mereka sebagai sumber pendapatan dan memberikan bimbingan serta motivasi agar tidak terpengaruh semula untuk melakukan kesalahan mengambil kira ini faktor utama menyumbang kepada kemasukan semula.

Produk insaf, yang dihasilkan oleh para banduan-banduan yang dijual kepada orang ramai melalui ekspo-ekspo dan tempahan-tempahan dihasratkan untuk meringankan beban banduan dalam menyara kehidupan mereka apabila keluar kepangkuan masyarakat sementara mencari pekerjaan tetap atau mengusahakan pekerjaan sendiri.

Selain memberikan program seperti semasa menjalani tahanan Jabatan Penjara juga membukakan secara sukarela kepada bekas banduan yang ingin untuk mengikuti program-program di bawah Perkhidmatan Seliaan yang dikendalikan oleh Bahagian Reintegrasi Jabatan Penjara dengan kerjasama Jawatankuasa *Aftercare* bersama-sama dengan agensi-agensi yang berkepentingan.

Sejak tahun 2018 sehingga sekarang sebanyak 82 *stakeholders* telah ikut serta dalam menjayakan program-program *aftercare*. Ini adalah usaha sama Jabatan Penjara dengan 14 buah pertubuhan bukan kerajaan dan 68 buah syarikat swasta untuk membantu rakan seliaan dalam penintegrasian masyarakat atau komuniti melalui program-program yang disediakan.

Untuk memperkukuhkan lagi sistem kawalan dan keselamatan di Institusi Penjara, **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ** peruntukan sebanyak \$3.768 juta telah dibenarkan untuk membiayai kerja-kerja menaik taraf dan pemeliharaan Penjara Maraburong fasa 1 dan fasa 3 dan Penjara Jerudong termasuk pemasangan sistem *CCTV*

yangmana tawaran bagi melaksanakan kerja-kerja berkenaan telah dibukakan.

Untuk memastikan kesiapsiagaan infrustruktur dan aset-aset di Jabatan Bomba dan Penyelamat, kebenaran juga telah diperolehi bagi pajak sewa 30 buah jentera bomba jenis *water tender ladder (WRL)* sebagai usaha untuk meningkatkan keupayaan operasi serta keberkesanan pengkerahan jentera bomba dan penyelamat.

Selain itu, ان شاء الله, pada Tahun Kewangan 2023/2024 ini pembaikkan sejumlah 800 *unit fire hydrant* di seluruh negara akan dilaksanakan secara berfasa bagi memastikan kesiap siagaan infrustruktur dalam menangani kecemasan kebakaran disetiap daerah.

Dalam usaha untuk melaksanakan transformasi pembangunan bandar dan daerah melalui penglibatan aktif pemimpin-pemimpin diperingkat akar umbi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui jabatan-jabatan daerah telah mengiklankan jawatan-jawatan Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung dan melaksanakan proses pengundian setiap minggu bagi memilih calon Ketua-Ketua Kampung dan Penghulu-Penghulu Mukim.

الْحَمْدُ لِلَّهِ setakat ini sebanyak 29% jawatan penghulu mukim telah dapat diisikan dan 25% jawatan ketua-ketua kampung telah diisikan.

Untuk memperkasakan lagi Satu Kampung Satu Produk satu inisiatif Satu

Kampung Satu Produk berinfak tinggi. ان شاء الله akan dilaksanakan iaitu dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui salah satu *government links companies* dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (*MPRT*) bagi menghasilkan produk yang lebih berkualiti dan berpotensi untuk menembusi pasaran dalam dan luar negara.

Dalam mendukung matlamat dua iaitu Pembangunan Bandar dan Daerah yang mampan dan berdaya tahan serta memastikan ketersediaan pasaran-pasarana antara lain inisiatif kementerian adalah memfokuskan kepada penyediaan dan pembangunan tapak-tapak perniagaan termasuk gerai-gerai disetiap daerah. Pemeliharaan dewan-dewan kemasyarakatan serba guna dan menaikkan paras jalan raya di kawasan yang sering dilanda banjir agar tidak menjejaskan akses penduduk kampung di kawasan-kawasan yang terjejas.

الْحَمْدُ لِلَّهِ peruntukan sebanyak \$18.8 juta telah dibenarkan untuk kerja-kerja menaik taraf paras jalan raya di Daerah Tutong, Daerah Belait dan Daerah Temburong yang mana pada masa ini tawaran adalah di peringkat menunggu kebenaran.

Pihak kementerian juga mendukung dan menyokong dalam memperkasakan masyarakat yang mandiri iaitu dengan menyediakan ruang untuk berniaga sebagai sumber pendapatan yang membolehkan mereka menyara hidup. Projek Tunas *Market Place* dengan

kerjasama Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) bukan sahaja menyasarkan Produk Satu Kampung Satu Produk akan tetapi juga peserta lepasan Program BIBD *Seat consortium Muallafpreneurs* dan serta program keusahawanan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Dalam menggubal suatu dasar dalam pelaksanaan atau apa jua inisiatif yang dirancang oleh kementerian ini faktor-faktor yang menyumbang kepada pencapaian inisiatif berkenaan adalah di ambil kira iaitu selaras dengan aspirasi ketiga kementerian iaitu memastikan sumber tenaga manusia yang kompeten di samping memanfaatkan penggunaan teknologi selaras dengan peredaran masa ke arah penyampaian perkhidmatan yang telus dan berkualiti.

Oleh itu, pihak kementerian pada ketika ini sedang menggubal *Human Resources Competency Frame Work (HRCF)* yang akan melibatkan seluruh warga kementerian dan jabatan-jabatan termasuk pemimpin akar umbi yang antara lain bertujuan bagi meningkatkan keupayaan sumber tenaga manusia dengan mengenal pasti dan seterusnya mengurangkan jurang kompetensi melalui program-program peningkatan kemahiran dan kapabiliti.

Untuk memperkasakan lagi Majlis Perundingan Mukim dan Majlis Perundingan Kampung komposisi keahlian MPM dan MPK telah disesuaikan agar dapat mewakili pelbagai peringkat masyarakat dalam memastikan perancangan dan apa juga aktiviti MPM,

MPK dapat didukung dan sokongan dari anak-anak buah kampung.

Di samping itu, pihak kementerian dan jabatan-jabatan daerah juga telah memulakan untuk mengadakan sesi permuzakarahannya secara berjadual tetap bersama pemimpin-pemimpin di peringkat akar umbi iaitu sebagai wadah untuk bertukar-tukar pikiran dalam mencapai hala tuju dan untuk memedulikan serta menjaga masalah anak-anak buah kampung di samping mengembang majukan kampung dan mukim di negara ini.

Kaola sukacita mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pemimpin-pemimpin diperingkat akar umbi termasuk Majlis Perundingan Mukim dan Majlis Perundingan Kampung yang sentiasa aktif dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti kerja dengan mengekalkan budaya bergotong-royong dan membantu pihak kementerian khususnya dan kerajaan amnya dalam memberikan sumbangan buah fikiran, tenaga serta sumbangan yang ikhlas dalam sama-sama memastikan kebajikan anak-anak buah kampung dan mukim terjaga dan terpelihara serta persekitaran kampung agar sentiasa bersih dan selamat.

Usaha seumpama ini adalah sangat-sangat dihargai dan besar maknanya bukan sahaja kepada penduduk di mukim dan kampung berkenaan akan tetapi juga kepada rakyat di negara ini. Pada mana kaola sukacita merujuk usul



yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama pada 4hb. Mac 2023M yang lalu iaitu "Pemimpin Peringkat Mukim dan Kampung ini adalah tidak bersendirian tetapi mereka adalah rakan sekepimpinan seperti dari masjid-masjid dan sekolah-sekolah untuk sama-sama Memperkasakan Kepimpinan Mukim dan Kampung".

Pendekatan *whole of government approach* dan *whole of nation approach* juga dititikberatkan dalam memastikan tadbir urus perkhidmatan yang baik. Sebagai contoh dalam mengatasi isu tunggakan cukai bangunan. Jabatan-Jabatan Bandaran telah bekerjasama dengan beberapa agensi kerajaan yang lain seperti Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABC), Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan, Pejabat Mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara dan Pejabat Pendaftaran Waris, Mahkamah Tinggi Brunei bagi memastikan pemilik-pemilik bangunan untuk terlebih dahulu ikut menyelesaikan tunggakan cukai bangunan masing-masing sebelum sebarang-sebarang permohonan yang berkaitan dibenarkan.

Sejak inisiatif ini dilaksanakan secara berfasa pada Ogos 2021 hingga 31hb. Januari 2023M, sejumlah lebih \$10 juta atau 14.92 peratus dari jumlah dari keseluruhan tunggakan hasil telah berjaya dikutip. Manakala kutipan hasil semasa daripada April 2022 sehingga 31hb. Januari, Jabatan Bandaran telah

mengutip sebanyak lebih kurang \$4.9 juta.

Untuk mendukung inisiatif dan *probusiness eco-system* di negara ini, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan sentiasa meneliti dasar-dasar yang berkaitan agar ia sentiasa relevan dimana apa jua program atau projek yang diungkayahkan oleh setiap kementerian akan sentiasa didukung sama dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

Sebagai kesimpulan, ان شاء الله Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatannya akan sentiasa memastikan segala inisiatif yang akan dirancang dan dilaksanakan adalah sejajar dan menjurus kepada pencapaian Wawasan Brunei 2035 di samping memastikan perbelanjaan peruntukan adalah *value for money* yang memberikan impak yang positif kepada semua golongan masyarakat di negara ini dalam usaha untuk mengekalkan Negara Brunei Darussalam yang aman makmur dan dinamik sepertimana jua visi kementerian ini dan melaksanakan strategik yang telah digariskan di dalam Pelan Strategik Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi tempoh 5 tahun dari tahun 2023-2027.

Berasaskan penjelasan-penjelasan ini, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan dibawahnya telah disokong untuk disediakan peruntukan keseluruhan berjumlah \$136,503,951.00 Gaji Kakitangan dan Perbelanjaan Berulang-Ulang adalah berjumlah

\$131,813,060.00 dan Perbelanjaan Kemajuan-Kemajuan adalah sejumlah \$4,690,891.00 untuk membiayai 7 projek-projek kemajuan.

Yang Berhormat Pengerusi. Dengan penerangan yang kaola sampaikan sebentar tadi kaola berharap akan mendengar pandangan-pandangan yang bernas dan pemikiran yang strategik daripada rakan-rakan Yang Berhormat yang lain untuk membantu abiskaola dalam melaksanakan tugas dan amanah yang diberikan.

Sekian sahaja yang dapat kaola terangkan mengenai dengan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan bagi Tahun Kewangan 2023/2024.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira kenyataan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri adalah cukup jelas dan komprehensif dalam penyediaan belanjawan bagi kementerian yang berkenaan bagi Tahun Kewangan 2023/2024.

Walau bagaimanapun, bersama saya disini ada senarai Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta membincangkan Tajuk-Tajuk di bawah kementerian ini.

Untuk memulakannya saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pehin Orang

Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi atas kesempatan kaola untuk membincangkan tajuk ini. Kaola mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas pembentangan tajuk ini.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menganggap Bandar Seri Begawan dan bandar-bandar lain di negara ini umpama lukisan atas *canvas*. Ia boleh dalam *black and white* atau kelabu atau berwarna. Kaola lebih gemar ia berwarna kerana bagi kaola ia menarik, sedap mata memandang dan merupakan sesuatu yang menceriakan.

Begitulah juga bandar kita, Bandar Seri Begawan dan bandar-bandar lain akan lebih menarik jika diwarnai dengan keindahan bangunan, taman-taman yang dijaga baik, persekitaran yang bersih serta kemudahan asas yang cukup dan *first class*. Kaola rasa ini adalah satu senario yang kita mahu dan dalam perkara ini kaola melihat Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah autoriti yang mampu menjadikan Bandar Seri

Begawan dan bandar-bandar lain secantik lukisan *moony*.

Kaola tidak tahu pihak mana yang harus dipertanggungjawabkan sama ada Pejabat Daerah, Lembaga Bandaran, Institusi Majlis Perundingan Mukim dan Kampung atau kesemuanya. Tetapi adalah elok jika pembisaian itu berlaku.

Ini memerlukan *mindset* yang baharu. Bandar-bandar kita perlu ahlipling dan bangunan-bangunan kita yang terbiar kosong sekian lama dengan rumput yang panjang dibeberapa kawasan perumahan dan membeli belah, jalan-jalan raya yang berlopak, belukar-belukar kecil, longkang-longkang pecah dan sebagainya patut ditangani.

Ini bukan imej yang kita mahu dan kekalkan. Kaola berharap tindakan diambil untuk membisaikan Bandar Seri Begawan dan bandar-bandar lain. Kita tidak perlu bangunan *iconic* mencakar langit tetapi bangunan yang cantik dilihat, bangunan yang *well maintain* dan mempunyai kemudahan yang cukup seperti tandas awam yang bersih.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kaola gembira apa yang dibentangkan tadi oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri merangkumi apa yang kaola maksudkan, ان شاء الله. Seboleh-bolehnya kita mahu Bandar Seri Begawan dan bandar-bandar di daerah ini dan bandar-bandar di daerah lain mempunyai imej *first world* bukan *third world*. Kaola menyokong jika peruntukan nanti dipohonkan bagi menaik taraf Bandar Seri Begawan sesuai dan bersempena dengan pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menyentuh pula Kod Akaun 11504 – Pembangunan Semula Kampung Air. Kaola berharap Tajuk ini digunakan pada Tahun Kewangan tahun ini kerana kalau tidak silap ianya bukanlah satu projek yang baharu. Sejak projek Pembangunan Semula Kampung Air Fasa satu siap yang melibatkan 65 buah rumah pada tahun 2014 kalau kaola tidak silap, peruntukan telah pun diberi untuk fasa kedua dimulakan.

Tetapi oleh kerana beberapa sebab, projek ini tidak dilaksanakan hingga ke hari ini. Diharap kita tidak akan berlengah memulakan projek ini kerana banyak rumah di kampung Air boleh dikatakan tidak selamat seperti beberapa kejadian rumah runtuh baru-baru ini.

Kita juga tidak mahu rumah-rumah di kampung Air terdedah dengan risiko kebakaran seperti yang berlaku di beberapa tempat di Kampung Air. Rumah yang dibina di fasa satu mempunyai ciri-ciri keselamatan daripada bencana api sebab *building materialnya* pun bahan bangunannya yang *fire resistant* dan jarak satu rumah dengan rumah yang lain menghalang daripada api merebak dan juga sistem pembantungan yang moden.

Rumah itu menggunakan material yang memerlukan *low-cost maintenance*. Kaola berharap pembangunan Kampung Air fasa dua ini dapat dimulakan dan mengambil contoh dari fasa satu dapat ditambah baik lagi bagi kesejahteraan penduduk di Kampung Air.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola berpindah sekarang kepada Jabatan Buruh iaitu isu pengambilan pekerja asing di negara ini. Kaola yakin pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan khususnya Jabatan Buruh peka dengan kehadiran pekerja asing banyak di negara yang mungkin keberadaan mereka melebihi daripada keperluan.

Kita menghargai sumbangan mereka sebagai tenaga buruh *semi-skilled* dan mahir dan juga sebagai usahawan yang menjadi cabaran jika keramaian aktiviti mereka tidak dikawal, mereka mungkin saja nanti menguasai ekonomi kita.

Nampaknya, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sudah memikirkan cara untuk kita *regulate* kedatangan mereka agar bilangan mereka adalah pada kadar yang diperlukan dan mudah dikawal.

Pihak Jabatan Buruh diharap mengambil langkah tertentu untuk meneliti semula peraturan yang ada, menutup *loopholes* jika ada dalam undang-undang atau peraturan yang ada dan mengenakan syarat-syarat yang lebih ketat kepada mereka dan mengambil tindakan yang tegas dan bagi sebarang pelanggaran.

Ini perlu sebelum keadaan menjadi parah dan tidak dapat dikawal. Tetapi pelaksanaan undang-undang berkaitan dengan warga asing perlulah ditangani dengan berhemat dan *sensitivity*. Itu saja yang kaola ingin bangkitkan Yang Berhormat Pengerusi. Sebelum kaola berundur, kaola sekali lagi mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang

Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas pembentangan yang begitu jelas akan langkah-langkah yang akan mereka ambil dan **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** ia adalah selari dengan pandangan kaola seperti kaola nyatakan tadi. Terima Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman, atas saranan dan soalan-soalan yang dikemukakan.

Berkenaan Bandar Seri Begawan, kaola bersetuju juga sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman berkenaan untuk membisakan Bandar Seri Begawan. Banyak inisiatif sudah dilaksanakan untuk memastikan kebersihan, keadaan Bandar Seri Begawan ini kondusif, bisai dan jua berwarna-warni sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat.

Sebagai contoh, untuk memastikan Bandar Seri Begawan ini meriah, beberapa inisiatif telah diadakan sebagai contoh mengadakan Bandarku Ceria setiap hari minggu dan ada juga kerjasama Jabatan Bandaran dengan pihak Yayasan untuk meningkatkan lagi peniaga-peniaga yang pada masa ini berjaja di kawasan Yayasan untuk dilaratkan ke kawasan Dermaga. Itu

nanti ان شاء الله akan memeriahkan lagi Bandar Seri Begawan.

Berkenaan dengan jalan-jalan dan longkang-longkang pada masa ini, Jabatan Bandaran memang aktif menjalankan kerja-kerja pemeliharaan. Ini *require whole of goverment approach and whole of nation approach* termasuklah kementerian-kementerian yang berkaitan iaitu Kementerian Pembangunan dari segi jalan-jalannya dan Jabatan Bandaran pada masa ini menerapkan atau menggunakan teknologi, mesin-mesin yang kalau kitani lihat masa ini kalau mencuci Bandar Seri Begawan menggunakan blower dan *now* ان شاء الله akan menggunakan mesin yang ada di Jabatan Bandaran untuk memastikan kebersihan itu dijaga.

Berkenaan dengan pembangunan semula Kampung Air. Ini perlu diteliti dan memang sudah dalam perbincangan dengan pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi berkenaan dari segi *affordability*, berkenaan dengan *sustainability* sebelum kita melaksanakan Projek Pembinaan Semula Kampung Air ini.

Kaola memang mengambil maklum Fasa I itu, pembinaan semula rumah-rumah memang sudah dilaksanakan. ان شاء الله, jika Yang Berhormat tidak keberatan nanti, kita boleh *discuss* secara terperinci dari segi pelaksanaan pembinaan semula Kampung Air ini.

Memang peruntukan disediakan. Kaola juga mengambil maklum rumah-rumah yang roboh itu dimata-matai oleh Pejabat

Daerah dan memang sudah dilaksanakan oleh Pejabat Daerah dari segi diadakan *survey* berkenaan dengan rumah-rumah di Kampung Air sama ada ia selamat untuk didiami ataupun tidak. Memang ada sudah *survey* dibuat.

Berkenaan dengan Jabatan Buruh, memang peranan Jabatan Buruh untuk mengeluarkan Lesen Pekerja Asing (LPA) dan Lesen Pekerja Domestik (LPD), yang mana LPA ini adalah untuk membolehkan syarikat-syarikat mendatangkan buruh-buruh atau pekerja-pekerja negara-negara luar.

Sebagaimana yang kaola bentangkan tadi, sebagai contoh *National Labour Management System* yang akan dilaksanakan pada 1hb. April ini, pada mana permohonan LPA dan LPD akan dibuat secara *online* dan permohonan-permohonan ini juga akan di *link-up* dengan *Immigration Registration System* yang akan mengeluarkan *visa* kerja dan sudah setentunya dengan adanya maklumat-maklumat seumpama ini, yang boleh didapati secara *online* oleh pihak Jabatan Buruh ia akan dapat mengenalpasti keberadaan pekerja-pekerja berkenaan untuk memastikan pas-pas yang digunakan itu adalah sebagaimana yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. ان شاء الله, penggunaan teknologi ini akan diterapkan sama ada di Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang dan sebagainya.

Berkenaan dengan undang-undang di Jabatan Buruh, memang sentiasa dikaji. Di Kementerian Hal Ehwal Dalam

Negeri memang ada satu bahagian khusus untuk meneliti perundangan-perundangan lama yang memerlukan penaiktarafan atau *certain amendment* dalam undang-undang berkenaan. Itu saja Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam.

**Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. السلام عليكم ورحمة الله وبركاته dan salam sejahtera.

Untuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada pagi ini, lebih dahulu kaola ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas pembentangan inisiatif-inisiatif kementerian untuk Tahun Kewangan 2023/2024 ini berkaitan dengan bidang tugas dan skop Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang begitu jelas dan terperinci.

Dalam hal ini, kaola merujuk perbelanjaan Tajuk SE06A hingga Tajuk SE09A bagi institusi-institusi mukim dan kampung yang berkaitan dengan projek Satu Kampung Satu Produk (1K1P).

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, projek 1K1P ini mengikut maklumat yang kaola dapati, ia sudah mula diperkenalkan sejak tahun 1993 lagi dan projek ini bagi kaola sangat signifikan untuk diluaskan lagi dengan menggalakkan penyertaan lebih ramai penduduk kampung ataupun mukim sesuai dengan penamaan projek ini, Satu Kampung Satu Produk (1K1P).

Dalam hal ini, kaola juga ingin melihat penyertaan dalam projek ini asnaf-asnaf penerima zakat yang terdiri daripada golongan fakir dan miskin serta golongan yang berpendapatan rendah yang termasuk dalam penerima-penerima bantuan.

Kaola mengimbas kembali kenyataan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa sesi muzakarah yang lalu, antara isu utama projek ini adalah jumlah hasil produk yang tidak memenuhi permintaan yang tinggi kerana projek ini pada kebiasaannya diusahakan secara persendirian di rumah-rumah oleh pengusaha-pengusaha tertentu.

Walau bagaimanapun, apa yang kaola dengar dalam pembentangan mukadimah tadi, inisiatif-inisiatif ada telah dibuat oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam membantu pengusaha Satu Kampung Satu Produk (1K1P) ini meningkatkan produk mereka.

Antaranya kerjasama dengan kementerian-kementerian lain yang berkepentingan untuk

mengembangluaskan lagi projek Satu Kampung Satu Produk (1K1P) ini.

Jadi dalam hal ini, kaola memohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai beberapa perkara. Yang pertama, sejauh manakah pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ada melibatkan penyertaan golongan yang kaola nyatakan tadi iaitu golongan asnaf yang terdiri daripada fakir dan miskin dan penerima-penerima bantuan untuk mengikuti projek ini dengan harapan atau matlamat untuk membantu golongan-golongan ini menjana pendapatan yang tetap dan seterusnya dapat mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan.

Perkara yang kedua, kaola mohon bolehkah ataupun sekiranya ada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengongsikan data statistik peserta-peserta yang mengikuti projek ini sejak ia mula diperkenalkan 30 tahun yang lalu jika ada ataupun sekurang-kurangnya 10 tahun kebelakangan, iaitu yang meliputi jumlah pengusaha yang mengikuti projek Satu Kampung Satu Produk (1K1P) ini, jumlah pengusaha yang mampu bertahan dalam projek perusahaan yang diikuti itu secara *consistent* sehingga mereka mampu menjana pendapatan yang besar melebihi keperluan harian dan jumlah pengusaha yang berhenti setelah mengikuti projek berkenaan sekurang-kurangnya 3 hingga 6 bulan dan punca mereka berhenti itu.

Pada pandangan kaola data-data seperti ini penting bagi pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk menilai semula pelaksanaan projek ini dan membuat penambahbaikan yang diperlukan untuk meningkatkan lagi hasil produk ataupun hasil daripada projek ini.

Dalam hal ini juga, kaola ingin memberikan beberapa cadangan supaya pengusaha-pengusaha projek ini dibantu menerusi satu skim pinjaman khas dari Bank Usahawan Brunei untuk mengembangmajukan lagi perusahaan mereka dan menjadikan projek ini diusahakan oleh semua atau sebahagian orang kampung secara beramai-ramai.

Walaupun ia diusahakan di rumah masing-masing tetapi sesuai dengan sebagaimana yang kaola maksudkan tadi sesuai namanya Satu Kampung Satu Produk (1K1P) itu, ertinya sebagai contoh, di dalam sebuah kampung itu bukan sahaja satu keluarga atau satu kumpulan orang tertentu sahaja yang mengusahakan satu produk tetapi ia diusahakan secara banyak secara beramai-ramai di kampung itu dengan melibatkan golongan yang kaola nyatakan tadi iaitu golongan asnaf, fakir dan miskin serta penerima bantuan.

Ini adalah untuk memastikan semua penduduk kampung tersebut dapat sama-sama menjana pendapatan meningkatkan sosio-ekonomi mereka daripada projek berkenaan.

Di samping itu, inisiatif-inisiatif yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tadi, kaola rasa

sudah cukup untuk membantu dari aspek promosi, pemberiagan dan pemasaran produk.

Dan untuk meningkatkan produktiviti tersebut juga, pusat-pusat pemprosesan produk dapat dibina di kampung-kampung meskipun ia bukannya setiap kampung. Mungkin berdasarkan Mukim atau Daerah atau di tempat-tempat yang bersesuaian untuk membantu pengusaha-pengusaha kecil ini dari segi proses-proses pelaksanaan produk tersebut.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola ada soalan berkaitan dengan Tajuk SE11A - Jabatan Penjara. Adakah kaola teruskan ataupun dijawab dahulu. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Perkara seterusnya ialah perbelanjaan Tajuk SE11A - Jabatan Penjara. Kaola menyambut baik juga inisiatif-inisiatif Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang membantu bekas-bekas banduan sepertimana yang dinyatakan di dalam mukadimah tadi.

Melihat kepada perkara ini, kaola ingin mengemukakan dan menyatakan di sini berdasarkan KPI yang dikemukakan pada tahun 2021/2022 yang ada di dalam buku belanjawan bagi Institusi Penjara, kadar sebenar kemasukan semula bekas banduan ke penjara selepas dibebaskan adalah 15%. Jumlah ini melebihi 9% daripada kadar yang dianggarkan bagi tahun tersebut iaitu 6%.

Dalam hal ini, kaola mohon pencerahan sama ada pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan Penjara ada membuat analisa untuk mengenalpasti jenayah tertinggi yang menyumbang kepada kemasukan semula bekas banduan ini ke penjara dan punca kemasukan semula tersebut.

Pada pandangan kaola, data ini sangat berguna sebagai *indicator* awal kepada pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk menilai semula tahap keberkesanan inisiatif dan program-program pemulihan yang dilaksanakan sesuai dengan jenis jenayah yang dilakukan di samping mengenalpasti faktor-faktor lain yang menyebabkan berlakunya pengulangan semula jenayah berkenaan.

Dalam hal ini, melihat kepada inisiatif-inisiatif yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tadi, kaola ingin mencadangkan juga sedikit penambahan iaitu mengadakan ataupun mendidik masyarakat awam untuk menerima ataupun memberikan sokongan kepada bekas-bekas banduan ini melalui media massa, program-program yang difikirkan bersesuaian agar masyarakat tidak memandang negatif ataupun serong kepada bekas-bekas banduan ini.

Di samping itu, mengadakan program-program komuniti yang bersesuaian untuk membantu mereka ini menyesuaikan diri dengan masyarakat apabila mereka telah berada di dalam masyarakat nanti. ان شاء الله.



Selain itu, apa yang kaola lihat, sudah ada dinyatakan di dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri dan kaola menambah juga sedikit lagi. Mengutamakan juga pendidikan, kerohanian ataupun agama dalam program-program pemulihan yang dirancang serta memberikan sokongan kesihatan mental kepada mereka.

Apa yang lebih utama di sini adalah untuk memastikan misi Jabatan Penjara untuk menjadi pusat pemulihan yang cemerlang dan misinya untuk melindungi masyarakat dengan penjagaan kemanusiaan yang selamat dan pemulihan banduan yang *ideal* agar menjadi ahli masyarakat yang berguna dan bertanggungjawab dapat dicapai dan direalisasikan. ان شاء الله

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola seterusnya merujuk kepada Tajuk SE02A dan SE024A - Kemajuan Bandar. Dalam hal ini kaola tidak akan memberikan banyak cadangan, cuma kaola memberi harapan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri agar segala pembisaian yang dibuat untuk Bandar kita, apa yang penting adalah *maintenance* ataupun penyelenggaraan setelah pembisaian itu dibuat.

Itulah harapan yang kaola ingin sampaikan di sini kerana mengambilkira kebanyakan tempat-tempat riadah dan seumpamanya tempat-tempat rekreasi berdasarkan apa yang berlaku selama ini, ia hanya dibuat semasa awal-awal pembisaian itu dibuat tetapi tidak ada

*maintenance* yang berterusan selepas itu.

Jadi apa yang kaola harap, *maintenance* selepas pembisaian dibuat akan terus dilaksanakan dan pembaikan-pembaikan yang dibuat dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas untuk pengguna seperti tandas-tandas awam, penyediaan tong-tong sampah di tempat-tempat yang strategik untuk kita memastikan kebersihan tempat-tempat tersebut dan juga kemudahan-kemudahan bagi golongan orang-orang kelainan upaya.

Sekian sahaja. Kaola mohon maaf jika ada yang tersilap bahasa dan seumpamanya dan semoga usaha-usaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan mampu direalisasikan dengan kerjasama semua pihak yang berkepentingan. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah.

Mengenai dengan produk 1K1P sebagaimana yang kaola terangkan tadi, asalnya ia melibatkan sebagai satu penghasilan bagi satu kampung satu produk.

Jadi memandangkan banyak permintaannya, ia dijadikan satu pendapatan. ان شاء الله Kementerian Hal

Ehwal Dalam Negeri dengan kerjasama dengan Jabatan-Jabatan Daerah dan juga kerjasama syarikat yang berkaitan dengan kerajaan akan mengembangkan lagi produk ini.

Kalau kita lihat dari segi perangkaan ataupun jumlah pendapatan hasil daripada 1K1P ini, berdasarkan juga daripada jumlah penyertaan daripada setiap kampung dan setiap daerah ini, tidak berapa menggalakkan dari segi pendapatan, jadi 1K1P berimpak tinggi ini akan diterokai.

Sebagai contoh pengusaha nenas di Mukim Gadong. Kalau dilihat, *production* 1K1P bagi satu kampung itu sedikit. Kalau kita akan mengembangkan, mungkin ada kampung-kampung lain juga yang boleh mengusahakan *same product when it comes to aggregating* ia semakin banyak dan boleh juga dijadikan sumber pendapatan yang konsisten.

Berkenaan dengan penglibatan daripada penerima asnaf ini, memandangkan penerima ataupun penduduk di kampung ini samada ia penerima asnaf atau bukan penerima asnaf, 1K1P ini juga memang dilaksanakan oleh Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

Jadi di sana boleh melibatkan mereka untuk meyertai dalam kegiatan bisnes ini dan juga sebagaimana kaola sentuh tadi semasa mukadimah, Kementerian telah memulakan projek-projek yang bekerjasama dengan Bank Islam Brunei Darussalam.

Ia melibatkan muafaf, penerima-penerima asnaf dan zakat dan ianya dipantau oleh Bank Islam Brunei Darussalam. Kalau pendapatan mereka sudah mencapai mengikut *target*, mungkin mereka ditempatkan ke tempat lain dan *another* penerima asnaf akan ditempatkan ke Projek Tunas hasil kerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Berkenaan dengan perangkaan Yang Berhormat perlukan tadi, ان شاء الله kaola akan memberikan kepada Yang Berhormat berkenaan dengan berapa pengusaha 1K1P yang berhenti dan berapa yang masuk semula ان شاء الله kaola akan memberi maklumat itu kepada Yang Berhormat.

Berkenaan dengan Jabatan Penjara, jenis-jenis kes ini ان شاء الله kaola akan juga mendapatkan maklumat ini. Tetapi sebagai contoh sahaja, inisiatif untuk melibatkan masyarakat ini memang ada. Sebagai contoh juga tadi semasa mukadimah kaola itu, ada *stakeholders'* yang terlibat untuk menolong bekas-bekas banduan ini.

Semasa mereka menjalani tahanan ini, *education* dari segi kerohanian memang diterapkan jadi memang ada program-program tertentu yang telah digariskan oleh Jabatan Penjara. Memang hasrat ataupun objektif Jabatan Penjara ini adalah untuk memastikan mereka ini dipulihkan dan sudah mereka keluar ke pangkuan masyarakat nanti, ان شاء الله dari segi *mindset* mereka berubah.

Ini adalah penglibatan kita sebagai masyarakat sama ada Majlis Perundingan Kampung, Majlis Perundingan Mukim, masyarakat semua untuk memastikan menerima mereka semua ini. Tidak dapat di/label/juga sama ada untuk memberikan mereka pekerjaan dan sebagainya.

*Mindset* ini bukan sahaja di peringkat Jabatan Penjara, ia melibatkan semua masyarakat untuk mengubah *mindset* sama ada mereka ini bekas banduan ataupun bukan.

Dari segi kesihatan mental, memang juga diterapkan dalam program-program sana, keagamaan ada yang dari segi mengkhatamkan Al-Quran setiap minggu, disediakan surau-surau tertentu, sembahyang berjemaah, memang diterapkan semua ini dan program reintegrasi ini memang dilaksanakan di Jabatan Penjara untuk memastikan mereka ini bersedia sudah mereka keluar daripada tahanan-tahanan itu nanti.

Ada juga program-program yang melibatkan rakan seliaan secara *voluntary* masa ini, yang mana rakan-rakan seliaan ini adalah orang-orang yang dahulu di bawah tahanan juga untuk menjadikan mereka sebagai rakan sebaya kalau kita *compare* dengan di sekolah-sekolah.

Berkenaan dengan saranan daripada Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam berkenaan dengan pembisaian ini, **اللَّهُمَّ** juga kalau kita lihat di bandar-bandar

ataupun taman-taman rekreasi memang kementerian berunding dengan Kementerian Pembangunan mana-mana taman-taman rekreasi yang masa ini di bawah kawalan Jabatan Bandaran telah diserahkan, sebagai contoh yang di Bandar itu, memang di bawah kawalan Jabatan Alam Sekitar Taman dan Rekreasi.

Segala *maintenancenya* akan dipantau oleh jabatan-jabatan yang mempunyai *core business* yang tertentu. Ini untuk memastikan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di dalamnya *concentrate on the core business* kementeriannya.

Sekian itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi yang dapat kaola jawab.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini berhenti dahulu bagi membolehkan kita berehat selama 20 minit. Maka saya tangguhkan Mesyuarat Jawatankuasa ini.

**(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Majlis ini bersidang semula bagi meneliti dan menimbangankan Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan

Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Mesyuarat Jawatankuasa ini masih lagi membincangkan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Saya masih mempunyai senarai yang agak *extensive* yang terdiri daripada Ahli-Ahli Yang Dilantik yang ingin untuk turut serta membincangkan dan membahaskan tajuk-tajuk yang berkenaan ini.

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

**Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ

Kaola merujuk peruntukan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan Kod 002000. Seperti mana yang kitasemua lihat dan dengar pada setiap hari berlaku bencana-bencana alam di sana sini.

Di Negara Brunei Darussalam bencana-bencana alam yang sering dialami adalah seperti bencana banjir, tanah susur dan yang terkini wabak *COVID-19*. Mudah-mudahan اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى melindungi Negara Brunei Darussalam daripada segala bencana-bencana alam.

Persoalan kaola ialah bagaimanakah persediaan negara dalam menangani pelbagai bencana termasuk wabak penyakit sekiranya berlaku serentak dalam masa yang sama? Pada masa ini

Negara Brunei Darussalam terdapat beberapa industri yang berkaitan dengan *combustible hydrocarbon*.

Sebagai Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, apakah *standard operating procedure* yang ada sekiranya terjadi *industrial accident* di syarikat-syarikat berkenaan, mengambil kira setiap syarikat juga mempunyai pengurusan bencananya sendiri.

Kaola mencadangkan agar pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menilai tahap kesediaan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan dari aspek *standard operation procedure* kemahiran dan kepakaran kakitangan serta peralatan di semua senario.

Kaola juga ingin mencadangkan untuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengenal pasti dan *review* perjanjian-perjanjian kerjasama dengan negara-negara yang ada kemampuan untuk menangani bencana mengikut kepakaran masing-masing. Membuat *life exercise* bagi scenario yang berbeza-beza dapat menaikkan kecekapan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan. إِنَّ شَاءَ اللَّهُ. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin di atas soalan dan cadangan yang dikemukakan.

Berkenaan dengan kesiapsiagaan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (*National Disaster Management Centre NDMC*) di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri memang di tahap siap siaga pada mana sebelum *activation* di bawah *NDMC*, they called it *District Disaster Management Centre (DDMC)* yang diketuai oleh Pegawai-Pegawai Daerah dan *stakeholders* yang terlibat adalah sama dengan pihak *NDMC*.

Memang ada *standard operating proceduresnya* mengikut apa jenis bencana, they called it as *National Standard Operating Procedure* yang sudah dilancarkan.

Jadi kalau sekiranya ada bencana serentak sebagai contoh ada banjir dan ada juga penyakit memang *activation* itu mungkin pihak-pihak yang tertentu, kementerian-kementerian yang berkenaan akan mengambil peranan masing-masing mengikut keupayaan masing-masing sebagai contoh semasa *COVID-19* Kementerian Kesihatan tetapi penglibatan banyak melibatkan juga kementerian-kementerian lain.

Sama juga kalau isu banjir melibatkan juga *NDMC*, Pegawai Daerah, Jabatan Pembangunan Masyarakat (*JAPEM*), Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis dan juga pemimpin akar umbi iaitu Ketua-Ketua Kampung sebagai *first responder* bagi *NDMC*.

Dari segi industri memang ada *standard operating procedurenya* sebagai contoh kalau kita lihat *BFI chemical industries*

memang mereka ada jentera-jentera untuk pemadam api yang melibatkan *chemical* tapi peranan Jabatan Bomba juga sebagai *supporting agencies*.

Kalau Yang Berhormat melihat juga seperti dalam *compound BFI* memang ada kereta-kereta jenteranya dan juga di luar *compound BFI* itu memang ada Pasukan Bomba yang bersiap sedia.

Dari segi *competency* mereka memang dihantar untuk di *train* berkenaan dengan tatacara memadam api sama ada yang melibatkan *chemical* ataupun yang melibatkan rumah-rumah.

Mengenal pasti atau *mereview international agreement* itu memang sebagai contoh sahaja Jabatan Bomba dan juga *NDMC* menghantar semasa terjadinya *typhoon* di *Philippine*, itu *requested by AHA Centre*.

*AHA Centre* ini adalah pusat di bawah *ASEAN* yang menggerakkan ataupun kadang-kadang *merequest* daripada ahli *ASEAN* untuk mengarahkan sebahagian daripada pegawai untuk membantu bisdurang dari segi logistik punya *arrangement*.

Jadi memang pegawai-pegawai itu didedahkan di sana untuk memastikan mereka pun ada *hands on training*. Baru-baru ini di *Philippine* dan dengan adanya *international arrangement*:-

1. *Hands on training*.; dan

2. Penglibatan kita dalam membantu negara-negara lain di peringkat ASEAN.

Itu saja yang dapat kaola jawab Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

**Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin:** بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِیْنَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلٰی اَشْرَفِ الْاَنْبِیَاءِ وَالْمُرْسَلِیْنَ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas mukadimah dan penerangan yang diberikan pada awal-awal tadi.

Terima kasih jua kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan ini ada hubung kaitnya dengan apa yang kaola mahu bincangkan sebentar lagi iaitu Tajuk SE11A.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kerana memberikan kemahiran kepada banduan-banduan selepas menghadapi proses penjara dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kerana pernah melantik kaola sebagai Lembaga Pelawat Penjara Maraburung.

Kaola sukacita merujuk pada isu individu yang mempunyai rekod kesalahan jenayah lalu, yang sudah disabitkan

bersalah dan selesai menjalani hukuman, contohnya dipenjarakan di dalam tempoh tertentu.

Dalam situasi sebenar, pada kebiasaanya individu seperti ini mengalami kesukaran untuk mendapat pekerjaan, ataupun jika ia seorang penjawat awammaka dia mungkin tidak berpeluang untuk memohon kenaikan pangkat disebabkan mereka perlu melalui proses penapisan jenayah.

Kaola membuat cadangan bagi menjamin kesejahteraan individu berkenaan, supaya dapat menjalani kehidupan yang normal dan tidak akan kembali melakukan jenayah, maka kaola mencadangkan supaya rekod jenayah ini dihapuskan dengan mengenakan syarat-syarat dan peraturan tertentu yang difikirkan sesuai, antaranya mengadakan penilaian, pemantauan berterusan ke atas para lepasan banduan tersebut dalam tempoh yang tertentu menerusi beberapa prosedur mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak yang berwajib.

Seterusnya kaola merujuk pada Perbelanjaan SE12A, Jabatan Bomba dan Penyelamat. Kaola memerhatikan dan melihat sendiri bahawa pegawai-pegawai dari jabatan ini tidak mengira masa dan waktu, siang dan malam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dengan bersungguh-sungguh, misalnya memadam kebakaran rumah-rumah, hutan, membersihkan pokok-pokok kayu yang tumbang kerana menghalang perjalanan.

Kaola meminta pencerahan adakah mereka ini mempunyai pampasan insuran *cover* dan juga elaun khas dan adakah ia mencukupi.

Yang ketiga adalah mengenai SE01A, ada dijelaskan tadi kekosongan ketua kampung dan penghulu kampung sudah diisikan.

Jadi belumlah dipenuhi sepenuhnya, jadi terdapat sebahagian ketua kampung dan penghulu ini masih memangku, dibayar elaun bukan dibayar secara jawatan memangku.

Kaola ingin mencadangkan agar jawatan memangku itu dibayar selayaknya selaras dengan beban tugas dan tanggungjawab sebagai penghulu mukim dan ketua kampung.

Akhir sekali ialah mengenai perkara yang dibincangkan sebentar tadi mengenai pembisaian bandar. Dalam konteks ini kaola menyentuh mengenai Bandar Seri Begawan. Pernah dulu disebut bahawa Bandar Seri Begawan ini akan menjadi *garden in the city*.

Apakah perkembangan yang dapat dikongsikan oleh pihak Kementerian mengenai plan ini. Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima Kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih yang Berhormat Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, di atas persoalan yang diajukan.

Berkenaan dengan Jabatan Penjara, kaola tidak dapat menjawab sama ada dari segi rekod jenayah tersebut boleh dihapuskan.

Kaola hanya dapat menjawab berkenaan dengan jumlah bekas banduan yang sudah dapat kerja, pada masa ini terdapat lebih 50 lebih orang sudah memperolehi pekerjaan. Ini tertakluk kepada siapa yang dapat menerima mereka. Sebagaimana yang kaola maklumkan *is our mindset* untuk menerima mereka ke pangkuan masyarakat.

Sama ada ia mempunyai rekod ataupun tidak. Itu adalah *secondary*. Tapi yang penting, penerimaan masyarakat, penerimaan syarikat-syarikat untuk mereka bekerja.

Yang kedua berkenaan dengan bomba, memang ada insuran dibeli, ertinya insuran berkelompok untuk memastikan mereka dilindungi. Ianya termasuk kecacatan kekal, kecederaan dan kematian.

Berkenaan dengan penghulu yang memangku, memang mereka dibayar elaun mengikut perkiraan-perkiraan yang telah ditetapkan. Sebagai contoh pemangku dibayar elaun sebulan gaji terendah atau separuh jika ada dalam perkhidmatan.

Ertinya jika yang memangku itu bekerja, ia akan dibayar separuh. Tapi jika sekiranya ia memang memangku, ia ada perkiraan-perkiraan tertentu.

Jadi memang hasrat Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, melalui Jabatan-Jabatan Daerah mengisikan sepenuhnya jawatan ketua-ketua kampung dan penghulu mukim. Semua sudah diiklankan dan hanya menunggu permohonan dan akan diundi oleh anak-anak buah kampung sendiri.

Kaola akan menambah, Yang Berhormat Pehin, satu daripada soalan Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam berkenaan dengan apa kes yang tertinggi, yang kemasukan semula. Yang banyak masuk semula adalah kes curi dan dadah. Itu adalah kes-kes yang tertinggi yang masuk semula ke penjara.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi yang dapat kaola sampaikan, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Satu lagi berkenaan dengan *garden in the city*, kalau dilihat mungkin berbeza jika kita di Singapura, kalau di Brunei memang *garden in the city* sudah, banyak sudah terdapat pohon-pohon. Jika dilihat dari segi ASEAN inisiatif mungkin dapat digelar *smart city*.

Memang kita menuju ke arah tersebut dan melibatkan *multiple stakeholders* tapi *garden in the city* memang *we are actually green in Bandar Ser Begawan*. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima Kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

**Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin membangkitkan 2 soalan.

Soalan pertama adalah di bawah Tajuk SE05A - Jabatan Buruh kod 002/002 Perundangan dan Penguatkuasaan Undang-Undang Perburuhan.

Kaola percaya Jabatan Buruh adalah badan pengawal bagi pekerja tempatan dan asing. Terdapat banyak aduan mengenai pekerja tempatan yang tidak hadir bekerja atau berhenti awal dan pihak *MPEC* mungkin lebih memahami tentang tingkah laku tersebut daripada kaola.

Adalah amat penting bagi tenaga kerja kita untuk mematuhi undang-undang terutamanya ketika berniat untuk menghantar mereka bekerja di luar negara seperti yang dicadangkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sekiranya tingkah laku ini berterusan ia tidak hanya merosakkan reputasi negara malah juga akan mengakibatkan pencari kerja sukar untuk mendapat pekerjaan di masa akan datang. Ia perlu ditangani dengan serius dan tegas demi mengekalkan integriti dan kestabilan pasaran tenaga kerja kita.

Jika ibu bapa mempunyai kebimbangan mengenai pekerjaan anak mereka, mereka harus diberi kontrak pekerjaan. Sekiranya mereka masih mempunyai masalah maka mengambil khidmat peguam dan membawa perkara ini ke mahkamah adalah satu-satunya



pilihan untuk menyelesaikan isu ini dengan serius dan memberi pengajaran yang penting tentang kepatuhan terhadap undang-undang.

Selain itu menurut pemeriksaan terkini yang dilakukan oleh *Tabung Amanah Pekerja (TAP)* sekurang-kurangnya 15% daripada premis diperiksa tidak mendaftar pekerja tempatan mereka dengan *TAP*.

Kaola ingin mencadangkan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk bekerjasama dengan agensi yang berkaitan seperti *MPEC, SKP, DARE* atau *Brunei Law Society* bagi mengadakan lebih banyak bengkel mengenai perintah pekerja terutama untuk pencari kerja baru untuk mengajar mereka mengenai hal hak dan tanggungjawab mereka sebagai pekerja.

Apabila pekerja tahu tentang hak mereka dan majikan tahu tentang tanggungjawab mereka di bawah undang-undang dan peraturan pekerjaan ia boleh menjadi lebih mudah bagi majikan untuk mematuhi peraturan tambahan yang bergantung kepada tindakan penguatkuasaan semata-mata.

Ini mungkin juga membantu kementerian untuk meningkatkan prestasi utama untuk peratus kes majikan memahami Perintah Pekerjaan 2009 semasa pemeriksaan.

Seterusnya soalan yang kedua adalah di bawah Tajuk SE10A - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

kod 002/001 Visa Pas Permit Masuk dan Dokumen Perjalanan (*Passport*).

Menurut titah pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara baru-baru ini Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) pada tahun 2020 mewakili 97.2% daripada perusahaan aktif di Negara Brunei Darussalam.

Sementara kita merayakan keusahawanan kita juga perlu mengakui bahawa saiz populasi yang terhad bermakna kejayaan seorang usahawan boleh menyebabkan kerugian kepada yang lain.

Mengambil pelaksanaan *Labour Management System* kaola mencadangkan supaya pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri meneliti *Digital Nomad Visa Programme* untuk dilaksanakan ke negara bagi menarik bakat luar negara iaitu Pekerja Jarak Jauh atau *remote workers* ke Negara Brunei Darussalam.

Negara kita mempunyai kelebihan dari aspek *stability politic*, keselamatan, kos sara hidup yang rendah dan warga negara yang ramah tidak perlu diperkenalkan lagi malah bakat-bakat tempatan yang sangat terlatih lebih memilih untuk tinggal di Negara Brunei Darussalam walaupun peluang pekerjaan yang terhad. *Digital Nomad* adalah Pekerja Jarak Jauh.

Mereka hanya memerlukan *laptop* dan *high speed internet* untuk berhubung dengan klien atau perusahaan di seluruh dunia. Kajian menunjukkan bahawa *Digital Nomad* menyumbang lebih daripada 35% pendapatan mereka kepada ekonomi tempatan dan menyumbang nilai ekonomi global sebanyak \$787 bilion setahun.

*Digital Nomad* boleh memberi impak positif kepada ekonomi, inovasi, pelancongan, pembangunan tenaga kerja serta pertukaran sosial dan budaya Negara Brunei Darussalam. Kaola harap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dapat mempertimbangkan program ini untuk menarik bakat-bakat ini ke Negara Brunei Darussalam dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi.

Itu sahaja kaola ingin sampaikan. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee berkenaan dengan soalan yang diajukan khususnya bagi Jabatan Buruh.

Memang di bawah *Employment Order* memastikan semua kontrak ditandatangani. *Meaning contract agreement* itu dikawal selia oleh Jabatan Buruh di bawah *Employment Order*. Tapi ada saranan daripada Yang Berhormat tadi berkenaan dengan *joint force* untuk memastikan *KPI* dari segi pematuhan, bekerjasama dengan *TAP* dalam satu-satu pemeriksaan ان شاء الله Jabatan Buruh

akan menilai perkara ini dan satu saranan yang baik untuk dilaksanakan untuk memastikan *shared resources* dilaksanakan sama ada Jabatan Buruh, *TAP* dan sebagainya.

Berkenaan dengan *Digital Nomad Visa Programme* ini kaola ingin meminta *clarification* saja. Ertinya yang ada *this programme* tidak perlu datang ke Negara Brunei Darussalam?

**Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee:** Mereka datang ke Negara Brunei Darussalam tapi ada majikan-majikan mereka, tidak perlu bekerja di Negara Brunei Darussalam.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Maksudnya apa? *Because* jika kita lihat, *we need to understand* apa visa dalam konteks imigresen. Visa ini *is permission to enter, pass is permission to work* untuk melaksanakan apa jua *based on the passes* itu. Kalau sekiranya ada majikannya di luar, kalau kita lihat juga ia mesti ada majikan, penjamin untuk memastikan dari segi *welfare*nya di Negara Brunei Darussalam. Kalau dari segi konteks imigresen.

Kalau kita lihat dari segi *digital development* di Negara Brunei Darussalam ini *especially when it comes to programming*, kebanyakan *programmer* ini tidak semestinya berada di Negara Brunei Darussalam. Mereka membuat *remotely*. Mereka menghantar *all the patches* itu kemudian

dilaksanakan oleh *companies in Brunei*. Itu boleh juga dilaksanakan.

*I think* kaola akan mendapatkan maklumat saja kali dulu Yang Berhormat Pengerusi kepada Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee mengenai *Nomad Visa* ini *because* kaola hendak menyelaraskan dari segi konteks *Immigration Order* dan juga dari segi apa yang disarankan, itu saja.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Merujuk kepada beberapa soalan dari Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee ada juga nampaknya berkaitan dengan *MPEC* dan *TAP*.

Mengenai dengan pekerja tidak datang bekerja mengikut jadual waktu dan sebagainya. Kalau sekiranya pekerja tersebut pekerja asing itu tertakluk kepada majikan, mungkin akan dibalikkan atau sebaliknya. Itu di antara majikan dan pekerjaanya.

Bagi pekerja tempatan memang tidak semua anak-anak tempatan ini kira *missing in action* memang ada sebahagiannya saja mungkin ada isu dengan *attendance* dan sebagainya. Dinasihatkan supaya majikan ini berunding bersama pekerja dengan memberi nasihat dan sekiranya berterusan *missing in action* boleh diberikan *warning letters* dan sebagainya, jangan terus dibuang kerja. Memang Manpower Planning and

Employment Council (*MPEC*) selalu menasihatkan graduan-graduan mesti *job ready* dengan *mental mindset*.

Dari segi Tabung Amanah Pekerja (*TAP*), ada majikan yang tidak berdaftar dengan *TAP* memang perkara ini *TAP* sentiasa turun padang melawat ke premis-premis perniagaan. Kalau kedapatan jika sekiranya tiada mendaftar, memang akan di saman.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ dengan pelancaran Skim Persaraan Kebangsaan (*SPK*) pada bulan Julai nanti, memang satu Skim yang sangat menarik dan Sangat mustahil kalau pekerja tidak akan mengikut juga mendaftar. Kalau pekerja sendiri kalau di cadangkan oleh majikan supaya mereka tidak akan didaftar di *TAP* akan menjadi kerugian kepada pekerja sendiri. Dengan keistimewaan skim *SPK* ini, mudah-mudahan akan menggalakkan pekerja sendiri akan memastikan mereka ini ikut skim baharu untuk kebaikan mereka sendiri untuk menjaga masa persaraan masing-masing.

Mengenai dengan *digital nomad*, kalau boleh koala juga ikut menambah juga dengan isu ini di mana ada *new ways of working life style* macam *nomadic life style*. Bagi pekerja ini bekerja *remotely* di negeri lain dan majikan di dalam negeri seumpamanya. Ini perlu dilihat sama ada kalau sekiranya yang *skillsset* ini terdapat sudah di dalam negeri itu tidak semestinya menggunakan cara *digital nomad*. Kalau kita masih akan menggunakan digital nomad tersebut, perlu kita akan memikirkan juga

withholding tax kerana perkara ini sama seperti melantik seorang konsultan dari luar negeri. Itu satu perkara untuk difikirkan lagi secara mendalam. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd Danial@ Tekpin bin Yaákub.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd Danial@ Tekpin bin Yaákub:** Terima Kasih, Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

اللَّهُ، terlebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih di atas mukadimah daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, berkenaan dengan SA01A – Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Pengerusi. Dalam perubahan teknologi maklumat dan digital masa kini telah berubah dengan pantas memberikan kesan kepada kualiti dan produktiviti bagi sebuah organisasi. Ini termasuklah kepimpinan akar umbi Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung.

Keupayaan bagi mengaplikasikan dan mengadaptasikan teknologi ini dapat membantu meningkatkan kualiti kepimpinan kepada anak-anak buah masing-masing.

Penggunaan teknologi digital banyak membantu di dalam menyampaikan maklumat dengan lebih efektif dan konsisten kepada masyarakat kampung.

Oleh itu, sukacita kaola merujuk kepada sasaran Belanjawan nNegara yang ketiga iaitu Pembangunan Modal Insan Yang Dinamik, Proaktif Dan Inovatif.

Kaola mengharapkan melalui Belanjawan ini fungsi-fungsi kepimpinan akar umbi mendapat manfaat. Sehubungan dengan itu, apakah ada inisiatif-inisiatif atau program-program yang disediakan ke arah meningkatkan kemahiran dan kepimpinan Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung ini. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd Danial@ Tekpin bin Yaákub. Untuk menjawabnya, sebagaimana yang kaola sampaikan dalam mukadimah yang mana Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sedang merangka *Human Resource Competesy Framework* yang merangkumi juga pemimpin-pemimpin akar umbi.

ان شاء الله Ahli-Ahli Yang Berhormat Mewakili Daerah-Daerah akan dijemput nanti untuk melihat inisiatif dan program yang disediakan ke arah meningkatkan kepimpinan dari segi pemimpin akar umbi ini sebagai *whole of nation approach, whole of government approach*. Itu sahaja, Yang terhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya mempersilakan sekarang Yang

Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi. اللَّهُ أَكْبَرُ , lebih dahulu kaola merakamkan ucapan terima kasih di atas mukadimah daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Berkenaan SE01A – Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Soalan pertama saya, sepertimana yang kita maklum bahawa Ketua-Ketua Kampong Dan Pemangku-Pemangku Ketua Kampong sememangnya terdedah daripada sebarang bahaya apabila membawa dan mengagihkan wang-wang pencen umur tua dan bantuan kebajikan pada setiap bulan.

Sehubungan dengan ini, kaola merayu kepada pihak-pihak berkenaan untuk memberi perhatian tentang perkara ini dengan sewajarnya. Sehubungan itu, kaola mencadangkan Ketua-Ketua Kampong dan Pemangku-Pemangku Ketua Kampong disediakan dengan perlindungan insurans keselamatan yang sesuai dan diberi latihan SOP keselamatan secukup-cukupnya jika berlaku sebarang perkara-perkara yang tidak diingini ketika bertugas.

Dan soalan saya kedua, menyentuh soalan status jalan-jalan kecil dibawah pemeliharaan Pejabat-Pejabat Daerah

yang perlu diperbaiki dan ditembusi ke jalan-jalan berkenaan. Di antara jalan ada yang perlu di beri perhatian ialah; Jalan Kecil Merangking ke Long Mayan, Daerah Belait; Jalan Singap ke Kampong Bukit, Daerah Tutong; Jalan Lelakang Singap, Daerah Belait; jalan menuju Rumah Panjang Biadong, Daerah Belait; Jalan Melabui Kampong Bukit Long Mayan, Daerah Tutong, jalan ini adalah bagi solusi untuk keluar semasa banjir.

Jadi dipohonkan untuk diperbaiki atau pun jalan-jalan itu untuk di 'timbuk' batu. Untuk jalan ke siaran sahaja untuk memberi penduduk-penduduk kampong untuk membuat rutin kehidupan mereka. Itu sahaja untuk soalan kaola pada pagi ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan juga terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman dengan soalan yang dikemukakan.

Berkenaan dengan insurans, memang pada 2014 ada insurans berkelompok yang disediakan bagi ketua-ketua kampong pada mana pada bulan April 2020 ia diberhentikan. Dan ditawarkan juga kepada penerima-penerima ini untuk dibayar melalui *bank*.

ان شاء الله, perkara ini akan diteliti oleh pihak Kementerian dan Jabatan-Jabatan Daerah berkenaan untuk kesesuaian untuk mengembalikan lagi insuran berkelompok ini.

Berkenaan dengan soalan dari segi jalan-jalan kecil, *اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى مَنْ يَنْتَظِرُكَ* juga bagi pemulihan jalan-jalan, Jabatan Daerah Belait telah pun mengiklankan untuk *Supply, Deliver and Lay of Crusher Run Stone* ini bagi jalan-jalan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi. Jadi usaha-usaha juga untuk memelihara jalan-jalan menuju Rumah Panjang Bidadong juga *in the pipe line*.

ان شاء الله, perkara ini akan di *update* kepada Yang Berhormat yang berkenaan dari masa ke semasa berkenaan dengan projek-projek untuk memastikan jalan-jalan kecil ini diperbaiki. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin.

**Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. *بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ  
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.*

*اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ*, terlebih dahulu di Dewan yang mulia ini kaola ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas pencerahan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berkaitan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Pengerusi Kaola ingin menyentuh di sini berkenaan dengan isu-isu peniaga-peniaga kecil di tepi jalan yang ketika ini semakin ramai di mana-mana tempat. Jadi kaola sangat kluatir tentang beberapa perkara.

Pertama ialah dari segi keselamatan kerana risiko kemalangan disebabkan kenderaan adalah sangat tinggi. Yang kedua ialah hala tuju peniaga-peniaga ini perlu diberi perhatian dan bantuan sewajarnya seperti perlu disediakan tempat-tempat yang lebih strategik bagi mereka menjalankan aktiviti perniagaan mereka ini dengan lebih selesa dan selamat. Yang ketiga ialah penyelesaian yang memerlukan pendekatan kepada *whole of government approach*.

Jadi sehubungan dengan ini, apakah usaha pihak kerajaan bagi menangani perkara ini demi membantu peniaga-peniaga ini dapat menjalankan perniagaan mereka dengan lebih selesa dan selamat. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin berkenaan dengan soalan yang dikemukakan. Isu berkaitan dengan gerai-gerai tepi jalan ini memang dibincangkan di bawah Majlis Perancangan Guna Tanah Kebangsaan iaitu di bawah Kementerian Pembangunan, yang mana iaitu kumpulan bertindak gerai-gerai dan bengkel.

Jawatankuasa ini di anggotai oleh agensi-agensi berkepentingan termasuk Jabatan-Jabatan Daerah, Jabatan Bandaran, Jabatan Kerja Raya, *ABCi*, Jabatan Kemajuan Perumahan, Pasukan

Polis Diraja Brunei dalam menangani isu-isu yang dibangkitkan itu.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ, Kumpulan Bertindak ini sudah mengenal pasti beberapa gerai-gerai yang telah dibangunkan di tepi-tepi jalan yang sudah usang untuk diroboh ataupun yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi dari segi keselamatan.

Penyelarasan juga telah dibuat dengan ketua-ketua kampung dan Majlis-Majlis Perundingan Kampung terlebih dahulu sebelum gerai-gerai yang usang tersebut diroboh bagi memastikan ianya benar-benar tidak lagi digunakan.

Dalam masa yang sama kumpulan bertindak ini juga telah mengenal pasti 11 tapak tanah yang bersesuaian yang baharu untuk dibangunkan gerai-gerai bagi menempatkan peniaga-peniaga di tepi jalan ini secara berperingkat-peringkat. Yang mana dalam proses perwartaan, pengenal pastian tapak-tapak ini juga adalah melalui penyelarasan dan kerjasama Ketua-Ketua kampung dan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang berkenaan. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann.

**Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ, terlebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih di atas mukadimah daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Berkenaan dengan Tajuk SE01A - Pejabat Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Kaola ada dua soalan Yang Berhormat Pengerusi. Kaola memohon pencerahan berkenaan dengan status jawatan perkhidmatan ketua-ketua rumah panjang di Daerah Belait yang mana bilangan ketua-ketua rumah panjang tidak disambung perkhidmatannya apabila mencapai 75 tahun.

Soalan kedua berkenaan Tajuk SE10A - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Memohon pencerahan mengenai masalah permohonan kerakyataan yang sudah lulus ujian bertulis dan ada yang masih menunggu lebih dari 10 tahun, belum diperkenankan.

Sehubungan dengan itu, kaola memohon pencerahan daripada kedua-dua soalan tadi. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang

Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann berkenaan dengan soalan berkenaan dengan perkhidmatan ketua rumah panjang ini. Buat masa ini memang terdapat 3 orang dari kalangan ketua rumah panjang di Daerah Belait, pada

mana perkhidmatan mereka diteruskan. Bagi tempoh perkhidmatan, boleh dilanjutkan tertakluk kepada keadaan kesihatannya yang disahkan oleh Pegawai Perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

Walau bagaimanapun, Kementerian ini terus memantau jika sama ada jawatan ketua rumah panjang ini dikekalkan. Ini adalah mengambil kira akan kedudukan lantikan ketua rumah panjang disyaratkan untuk mempunyai sekurang-kurangnya keramaian penduduk di rumah panjang tersebut 50 orang.

Mengenai soalan kedua berkenaan dengan permohonan kerakyatan. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat di atas keprihatinan berkenaan dengan permohonan-permohonan ini.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ di peringkat kementerian, sebagai mana Yang Berhormat sedia maklum, ada dua sudah sesi penyampaian sijil kerakyatan iaitu permohonan kerakyatan yang sejak 5 tahun kebelakangan.

ان شاء الله, permohonan-permohonan yang sudah lulus ujian, ada 3 ujian bertulis yang sudah lulus dan pada masa ini pihak Kementerian dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan melalui Bahagian Taraf Warganegara melaksanakan proses-proses mengikut garis panduan-garis panduannya. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi yang dapat kaola sampaikan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira cukup dahulu kita berunding pada pagi ini. Ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dan kita bersidang semula di Persidangan Majlis Meysuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Saya ingin sekarang mencadangkan persidangan kita ini ditangguhkan untuk membolehkan kita berehat pada tengahari dan kita akan bersidang semula pada petang nanti sebagaimana lazimnya mulai daripada pukul 2.30 petang. Sekian.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**